



KONFERENSI AKADEMIK 2015

Pelestarian Warisan Melayu Mencetus Penambahan Ilmu

4 NOVEMBER 2015
AL-BIRUNI, UiTM CAW. PAHANG



ISBN- 978-983-2607-46-5

UiTM Sentiasa
Di Ku

30th
Tahun
UiTM
Pahang

Kelestarian dan Pelestarian Tulisan Jawi Dalam Kalangan Mahasiswa

Nor Aziah Abd. Kadir^{1*}, Khalid Mat Pardi², Nurul Afzan Najid³

¹Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
aziahkadir@pahang.uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
khalidmp@pahang.uitm.edu.my

³Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
nurulafzan@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Tulisan Jawi merupakan warisan peradaban Melayu yang telah diadaptasi daripada abjad-abjad Arab dan disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu. Hasilnya, tulisan Jawi berkembang pesat dalam alam Melayu selaras dengan perkembangan agama Islam dan seterusnya menjadi satu alat untuk merakam segala aktiviti pentadbiran, keagamaaan, kesusteraan dan sebagainya. Penggunaan tulisan Jawi secara formal turut diaplikasikan dalam sistem pendidikan negara melalui subjek Pendidikan Islam bagi peringkat sekolah rendah dan menengah. Namun, penguasaan tulisan Jawi kelihatan semakin menipis dalam kalangan masyarakat Melayu terutama generasi muda (mahasiswa) sekarang yang dikatakan kurang berminat dengan tulisan Jawi (Shitiq & Mahmud, 2010). Selain itu, pengaruh sistem pendidikan barat di Tanah Melayu pada abad ke-18 dan ke-19, Akta Pendidikan Kebangsaan 1963 yang menetapkan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi kebangsaan dan kurangnya bahan bacaan dalam tulisan Jawi turut menyumbang kepada permasalahan ini. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelestarian penggunaan tulisan Jawi bagi lepasan sekolah dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian mendapati kelestarian tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa adalah sangat rendah dan sukar atas faktor-faktor persekitaran universiti yang kurang menggalakkan.

Kata Kunci: Mahasiswa, Pelestarian, Tulisan Jawi

1. Pengenalan

Bangsa Melayu terkenal dengan jatidiri dan adat budayanya yang tersendiri. Sejak berkurun lamanya, kelangsungan cara hidup dan budaya masyarakat Melayu mekar di serata dunia. Selain budaya masyarakat yang kaya dengan adat dan susilanya, kehidupan masyarakat Melayu turut tidak lepas daripada bidang keilmuan. Penyebaran dan penyaluran maklumat dari zaman ke zaman membuktikan Melayu adalah satu ketamadunan yang bukan sedikit nilai estetikanya.

Tentunya, proses pemindahan dan penyaluran ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu telah berlaku sejak beratus tahun dahulu. Proses ini berlaku menerusi beberapa fasa melalui satu sistem yang tersendiri. Diyakini bahawa sistem tulisan asal bangsa Melayu adalah dalam tulisan Jawi dengan pengasimilasian daripada bentuk sistem tulisan bahasa Arab. Hal ini dikatakan berititik tolak dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu, yang padanya terukir tulisan atau pernyataan berbentuk tulisan Jawi.

Hal ini jika diteliti, bukanlah merupakan sesuatu yang agak mengejutkan lantaran pengaruh Islam yang telah menapak di nusantara sejak abad ke-17 lagi. Perkembangan tulisan Jawi ini dipercayai telah bermula semenjak Zaman Kerajaan Islam Pasai yang seterusnya berkembang ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan Aceh. Kepentingan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat pada masa tersebut mencakupi semua urusan termasuklah segala urusan berkaitan pentadbiran, adat istiadat dan perdagangan.

Walau bagaimanapun, penggunaan tulisan Jawi yang turut merupakan salah satu identiti serta lambang jatidiri bangsa Melayu (Kamarul Baharin & Asyaari Muhamad, 2015) kian

terhapus. Antara faktor utama kepada permasalahan ini adalah kurangnya minat masyarakat terutama golongan pelajar terhadap tulisan Jawi itu sendiri (Koriana, 2001). Hal ini seterusnya menyumbang kepada kesukaran para pelajar menguasai tulisan Jawi di peringkat menengah lantaran kegagalan mereka menguasai tulisan Jawi dari peringkat rendah (Yusoff, 2005). Di sini jelas menunjukkan bahawa, tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat kita banyak bergantung kepada tahap penguasaan mereka sejak di bangku sekolah (atas) lagi.

Selain itu, kajian oleh Shitiq dan Mahmud (2010) mendapati sebilangan besar mahasiswa bersetuju bahawa mereka tidak berminat menguasai dan menggunakan tulisan Jawi kerana ia rumit. Dapatan ini disokong oleh Mohd. Jamil (2002) yang mendapati mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merasakan tulisan Jawi tidak bersifat global kerana kebanyakan bahan ilmiah yang menjadi rujukan mereka menggunakan tulisan Rumi (aksara Rumi). Mereka juga mendakwa bahawa mereka lebih mudah faham membaca dalam tulisan Rumi selain penggunaannya adalah jauh lebih efektif berbanding tulisan Jawi. Hasil dapatan dari kajian Faisal (2009) adalah lebih menyedihkan apabila tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam di IPTA tempatan juga berada pada tahap yang rendah.

Komen–komen negatif yang diterima daripada responden seperti jawapan mengelirukan, soalan perlu ditulis menggunakan tulisan Rumi dan sebagainya jelas menunjukkan sikap dan kemahiran responden yang rendah terhadap tulisan Jawi. Jika diteliti, mahasiswa pengajian Islam adalah antara responden yang lebih terdedah kepada tulisan Jawi (Jamil, 2002) dan golongan yang sepatutnya diharap dapat mengembangluaskan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian serta memupuk kecintaan terhadap tulisan ini (Faisal, 2009) namun mereka tiada minat untuk itu.

Walaupun minat terhadap tulisan Jawi tidak boleh dipaksa, tetapi ia boleh dipupuk terutama melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran (Musa & Abdul Aziz, 2008). Program J-Qaf telah diwujudkan sejak tahun 2005 demi membina masyarakat celik Jawi dan Al Quran di peringkat sekolah rendah (Ismail et al., 2014). Namun, di peringkat sekolah menengah, tiada pengajaran Jawi diajar secara khusus oleh guru–guru sehingga ke peringkat universiti. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kelestarian dan pelestarian tulisan Jawi itu berlangsung dalam kalangan mahasiswa dan apakah faktor–faktor yang menyumbang kepada tahap penguasaan mahasiswa dalam tulisan Jawi.

2. Kaedah Kajian

Set soal selidik telah diedarkan kepada sebilangan pelajar di UiTM Pahang mewakili 9 program yang ditawarkan iaitu AC110, AS117, AT110, BM111, BM118, BM119, EC110, CS110 dan SR113 bagi memberi gambaran yang lebih jelas terhadap permasalahan dan perkembangan tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa. Set soal selidik dalam kajian ini dirangka dengan menyentuh tiga bahagian iaitu a) latar belakang responden, b) tahap penguasaan tulisan Jawi dan c) faktor–faktor yang menyumbang kepada tahap penggunaan tulisan Jawi.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Sebanyak 270 set soalan telah diedarkan kepada para responden (pelajar) meliputi program- program yang terdapat di UiTM Pahang dan setiap program telah diedarkan sebanyak 30 set soalan. Kesemua responden berjaya menjawab dan mengembalikan semula set soal selidik tersebut. Berikut adalah analisis awal hasil penelitian penyelidik terhadap maklum balas yang diberikan oleh pihak responden.

Jadual 1. Peratus pelajar yang boleh menyambung huruf–huruf Jawi

| Item | Betul (%) Jumlah | Betul (%) bagi AC110 | Betul (%) bagi AS117 | Betul (%) bagi AT110 | Betul (%) bagi BM111 | Betul (%) bagi BM118 | Betul (%) bagi BM119 | Betul (%) bagi CS110 | Betul (%) bagi EC110 | Betul (%) bagi SR113 |
|-----------|---------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| س و ف ا ي | 56.7 (153) | 53.3 (16) | 60 (18) | 40 (12) | 66.7 (20) | 66.7 (20) | 60 (18) | 60 (18) | 50 (15) | 53.3 (16) |
| م ن ف ع ة | 55.2 (149) | 66.7 (20) | 40 (12) | 50 (15) | 70 (21) | 60 (18) | 50 (15) | 50 (15) | 60 (18) | 50 (15) |
| د ا م ب ل | 54.4 (147) | 56.7 (17) | 50 (15) | 43.3 (13) | 60 (18) | 63.3 (19) | 66.7 (20) | 43.3 (13) | 50 (15) | 56.7 (17) |
| ب ر س ي ه | 54.4 (147) | 60 (18) | 53.3 (16) | 53.3 (16) | 50 (15) | 60 (18) | 50 (15) | 53.3 (16) | 56.7 (17) | 53.3 (16) |
| م ي س ن ك | 54.1 (146) | 40 (12) | 56.7 (17) | 46.7 (14) | 60 (18) | 66.7 (20) | 53.3 (16) | 60 (18) | 43.3 (13) | 60 (18) |

* Nombor dalam kurungan adalah jumlah pelajar

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis Jawi masih berada pada tahap lemah. Purata 77.03 peratus responden gagal menyambung huruf-huruf Jawi mudah yang diberikan (Jadual 1). Ini bermakna penguasaan pelajar dalam penyambungan huruf-huruf Jawi masih kurang mantap. Kemahiran menyambung huruf-huruf Jawi ini sepatutnya dikuasai pada peringkat sekolah rendah lagi.

Jadual 2. Peratus pelajar yang boleh menukar perkataan dalam huruf Rumi kepada huruf Jawi

| Item | Betul (%) Jumlah | Betul (%) bagi AC110 | Betul (%) bagi AS117 | Betul (%) bagi AT110 | Betul (%) bagi BM111 | Betul (%) bagi BM118 | Betul (%) bagi BM119 | Betul (%) bagi CS110 | Betul (%) bagi EC110 | Betul (%) bagi SR113 |
|----------|---------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| Jumlah | 38.8 (105) | 40 (12) | 33.3 (10) | 33.3 (10) | 40 (12) | 50 (15) | 33.3 (10) | 46.7 (14) | 40 (12) | 30 (9) |
| Solat | 29.6 (80) | 30 (9) | 26.7 (8) | 33.3 (10) | 23.3 (7) | 33.3 (10) | 26.7 (8) | 40 (12) | 33.3 (10) | 20 (6) |
| Menolong | 37 (100) | 50 (15) | 40 (12) | 30 (9) | 33.3 (10) | 46.7 (14) | 36.7 (11) | 33.3 (10) | 36.7 (11) | 20 (6) |
| Syariat | 32.6 (88) | 40 (12) | 33.3 (10) | 33.3 (10) | 30 (9) | 40 (12) | 30 (9) | 33.3 (10) | 30 (9) | 20 (6) |
| Cantik | 22.6 (61) | 20 (6) | 23.3 (7) | 16.7 (5) | 20 (6) | 33.3 (10) | 16.7 (5) | 26.7 (8) | 20 (6) | 20 (6) |

* Nombor dalam kurungan adalah jumlah pelajar

Kajian juga mendapati penguasaan pelajar dalam kemahiran menukar perkataan daripada huruf Rumi kepada huruf Jawi adalah amat lemah (Jadual 2). Purata 67.78 peratus responden gagal menguasai kemahiran menukar perkataan dalam huruf Rumi kepada huruf Jawi. Perkataan yang paling ketara tidak dapat dieja oleh responden ialah 'cantik' (77.4 peratus) dan 'solat' (70.4 peratus). Analisis kekerapan menunjukkan responden keliru dalam menggunakan beberapa huruf yang mempunyai makhraj yang sama seperti Shad (ش) dengan Sim (س), Kaf (ك) dengan Qaf (ق) dan Tho (ث) dengan Ta (ت). Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengeja setiap perkataan seperti dalam Jadual 2 dengan betul.

Jadual 3. Peratus kebolehan pelajar memilih jawapan soalan aneka pilihan

| Item | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) | Betul (%) |
|---|-------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| | Jumlah bagi AC110 | AS117 | AT110 | BM111 | BM118 | BM119 | CS110 | EC110 | SR113 | |
| 1. Apakah kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang kaya dan berada? | 67.8 (183) | 73.3 (22) | 66.7 (20) | 60 (18) | 66.7 (20) | 73.3 (22) | 70 (21) | 80 (24) | 70 (21) | 50 (15) |
| 2. Kenapakah amalan memotong kuku dinamakan amalan fitrah? | 63.3 (171) | 66.7 (20) | 60 (18) | 53.3 (16) | 83.3 (25) | 70 (21) | 60 (18) | 73.3 (22) | 50 (15) | 53.3 (16) |
| 3. Kenyataan di bawah adalah benar kecuali... | 72.2 (195) | 83.3 (25) | 50 (15) | 50 (15) | 86.7 (26) | 80 (24) | 83.3 (25) | 83.3 (25) | 83.3 (25) | 50 (15) |
| 4. Fitrah bererti ... | 69.6 (188) | 76.7 (23) | 46.7 (14) | 50 (15) | 83.3 (25) | 83.3 (25) | 80 (24) | 80 (24) | 76.7 (23) | 50 (15) |

* Nombor dalam kurungan adalah jumlah pelajar

Dapatkan kajian juga menunjukkan kebolehan responden dalam memilih jawapan bagi soalan aneka pilihan berdasarkan teks Jawi adalah pada tahap memuaskan. Purata 68.2 peratus berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul manakala purata 31.8 peratus sahaja yang gagal menjawab soalan dengan betul. Kemahiran mereka membaca dalam tulisan Jawi pula adalah pada tahap memuaskan.

Analisis terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap penguasaan tulisan Jawi pula adalah berdasarkan soalan-soalan berkaitan yang menggunakan skala Likert. Skala Likert dari 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (neutral), 4 (setuju), dan 5 (sangat setuju) telah digunakan.

Faktor keperluan bagi pelajar untuk menguasai tulisan Jawi semasa berada di universiti adalah sangat rendah. Min bagi faktor ini adalah 1 iaitu kesemua responden sangat tidak setuju dengan keperluan menguasai tulisan Jawi ketika di UiTM Pahang. Ini adalah kerana, didapati mata pelajaran agama Islam yang diajar di UiTM Pahang yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai perantaraan, menggunakan tulisan Rumi dalam pembelajaran manakala subjek-subjek selebihnya—menggunakan Bahasa Inggeris. Program-program dan aktiviti berkaitan penggunaan tulisan Jawi juga kurang diadakan. Ini disokong dengan hampir 85 peratus daripada responden menyatakan mereka sangat tidak setuju dengan kekerapan aktiviti dan program berkaitan tulisan Jawi diadakan di UiTM Pahang.

Faktor kekurangan bahan bacaan juga menyebabkan tahap penguasaan tulisan Jawi sangat lemah dalam kalangan mahasiswa. Hampir 50 peratus responden menyedari bahawa bahan bacaan yang tersedia dalam tulisan Jawi adalah dari surat khabar Utusan Malaysia yang disiarkan setiap hari Isnin namun hanya 20 peratus sahaja dalam kalangan mereka yang membacanya. Kajian turut mendapati sebanyak 90 peratus pelajar adalah sangat setuju mengenai bahan bacaan dari internet juga menggunakan tulisan Rumi.

Minat juga merupakan penyumbang kepada tahap penguasaan pelajar terhadap tulisan Jawi. Kesemua responden adalah sangat setuju akan faktor ini. Terdapat hanya sebilangan kecil daripada responden yang menyedari kewujudan aplikasi tulisan Jawi dalam telefon pintar mereka tetapi tiada seorang pun cuba memuat turun aplikasi tersebut. Hal ini turut menunjukkan minat mereka terhadap tulisan Jawi amat rendah. Selain itu, 65 peratus responden mengatakan mereka sangat setuju bahawa tulisan Jawi adalah sangat sukar untuk dipelajari dan difahami.

Faktor penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian juga adalah pada tahap yang sangat lemah. 95 peratus responden mengatakan bahawa mereka sangat tidak setuju dengan penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian. Kesemua bahan bacaan yang mudah diperolehi adalah menggunakan tulisan Rumi dan pelajar menyatakan bahawa mereka tidak setuju untuk menggunakan sedikit masa mereka untuk mencari bahan bacaan yang menggunakan tulisan Jawi.

4. Kesimpulan

Para mahasiswa sebenarnya telah didedahkan dengan tulisan Jawi sejak di bangku sekolah rendah lagi. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk melestarikan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar seperti mewujudkan kelas j-Qaf yang bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus kepada Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Namun, selepas tamat sekolah menengah, didapati keperluan untuk mempelajari dan mengaplikasikan tulisan Jawi adalah sangat rendah.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan ialah penguasaan tulisan Jawi dan aplikasinya di kalangan mahasiswa berada pada tahap yang rendah. Justeru tiada pelestarian tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa di UiTM Pahang. Penyelidik menyarankan agar usaha pelestarian tulisan Jawi dalam kalangan mahasiswa UiTM Pahang khasnya perlu dipertingkatkan di peringkat tertinggi dengan mewujudkan satu subjek yang menggunakan tulisan Jawi yang perlu diambil oleh semua pelajar. Tulisan Jawi merupakan khazanah Melayu yang sangat berharga yang telah wujud sejak zaman berzaman. Justeru jika tiada usaha untuk melestarikan tulisan Jawi, ia pasti akan hilang ditelan arus kemodenan.

5. Rujukan

- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. (2009). *Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Islam: Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan*, Jurnal al-Tamaddun, bil.4, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, APIUM (Non-ISI/Non-SCOPUS Cited Publication).
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Mahadi Mohammad. (2014). *Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia/Progress and Learning Problems of the Quran in j-QAF Program in Malaysia*. Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies , 36 (2), pp. 57-66.
- Kamarul Baharin A. Kasim & Asyaari Muhamad (Iman). (2015). *Saranan HAMKA terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia – Indonesia*, International Journal of the Malay World and Civilisation 3(1), pp. 3 – 13.
- Koriana binti Mohd Hatta. (2001). *Sikap di Kalangan Pelajar Islam Tingkatan Empat Terhadap Penggunaan Tulisan Jawi (Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan); satu kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Johor Bahru*, Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Jamil bin Haron. (2002). *Penggunaan Tulisan Jawi: Satu Kajian di Kalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya (Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), pp. 59.
- Musa, H., & Abdul Aziz, A. Y. (2008). *Isu Homograf dan Cabarannya dalam usaha pelestarian tulisan Jawi*. Jilid 3, Bil 1/2008, Jurnal ASWARA, pp.109.
- Shitiq, H. A. A. H., & Mahmud, R. (2010). *Using an edutainment approach of a snake and ladder game for teaching Jawi script*. IEEE International Conference on Education and Management Technology.
- Yusoff, M. A. (2005). *Perkembangan Tulisan Jawi dan Aplikasinya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Journal Usuluddin, vol. 2, pp. 23-38.